

Malaysia telus dalam kerjasama pelajaran peringkat antarabangsa

um - 5/4/2007

PARIS 4 April - Malaysia mengambil pendekatan yang telus dan ikhlas dalam usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang pelajaran di peringkat antarabangsa, kata Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Dalam menggariskan idea tentang apa yang sudah dirancang untuk dilaksanakan khusus bagi menjayakannya, beliau berkata pelbagai inisiatif sudah dilaksanakan, bermula di peringkat ASEAN menerusi pembabitan dalam Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (Seameo) yang bersidang di Bali dua minggu lalu.

Menurutnya satu bidang yang sedang dikaji oleh negara anggota pertubuhan itu ialah teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), dengan Singapura akan berkongsi pengalaman mengenai pencapaian sekolah di negara itu dalam ICT, Malaysia dan Indonesia merujuk kepada ICT di kawasan pedalaman, dan Thailand mengetengahkan kajian tentang kesan ICT kepada kebudayaan, bahasa dan identiti.

Dalam skala lebih besar, beliau berkata Malaysia sedia bekerjasama dengan Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), sebuah badan 192 anggota yang berpangkalan di Paris, sebagaimana yang dicerminkan menerusi lawatan beliau ke sini.

"Dengan keikhlasan menerusi UNESCO, kita seharusnya berkongsi, bukan sahaja dari aspek apa yang sudah dicapai, tapi juga dalam apa yang kita telah gagal," katanya semasa melawat Institut Antarabangsa Perancangan Pelajaran (IIEP), salah satu daripada enam institut di bawah sektor pelajaran UNESCO.

Hishammuddin berharap IIEP boleh dibabitkan dalam beberapa inisiatif di Malaysia, contohnya dalam persidangan bagi menilai program pelajaran yang dijadual berlangsung Oktober ini.

Hubungan

"Kita ingin menjemput IIEP untuk tam-pil, bukan sahaja bagi membentangkan kertas kerja, tapi juga untuk mewujudkan hubungan dalam bentuk lebih tetap, untuk tempoh mungkin sekurang-kurangnya lima tahun," katanya kepada pengarah institut itu, Mark Bray.

Sokongan itu akan meningkatkan usaha memperbaiki sistem pendidikan dalam negara di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, yang sedang diusahakan dengan gigihnya.

"Kita perlu memastikan bahawa pelaburan kita dalam sektor pendidikan, sesuai sepenuhnya dengan status sebuah negara

maju yang sedang disasarkan Malaysia (menjelang tahun 2020).

"Saya tidak mahu melihat kanak-kanak dipinggirkan daripada mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dalam tempoh 15 tahun akan datang," kata Hishammuddin yang baru menamatkan lawatan empat harinya ke Paris hari ini.

Ditubuhkan pada tahun 1963, IIEP direka untuk menyahut cabaran menyediakan keperluan baru dasar serta perancangan pelajaran, selaras dengan perkembangan semasa dunia.

Sehingga kini 5,000 perancang dan pengurus pelajaran dari lebih 160 negara, mengambil bahagian dalam kursus-kursus latihan IIEP.

Semasa menyambut baik minat Malaysia untuk bekerjasama rapat dengan institut itu, Bray berkata Malaysia merupakan sumber inspirasi kepada IIEP, yang misinya memang relevan bagi negara-negara sedang membangun.

"Sebagai sebuah institut perancangan, kita tahu Malaysia adalah peneraju yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain," katanya.

Beliau seterusnya mengucapkan tahniah terhadap kejayaan Malaysia menangani isu perbezaan kepelbagaian etnik, bahasa dan geografi.

- Bernama